

Produk Kekayaan OCBC Al-Amin

Lembaran Maklumat Produk Deposit

Akaun Premier Booster-i OCBC

Nama Produk: Akaun Premier Booster-i OCBC

Apakah Akaun Premier Booster-i OCBC?

Akaun simpanan Islamik yang menawarkan kadar keuntungan tinggi dengan fleksibiliti sebuah akaun simpanan, eksklusif untuk pelanggan Premier.

Maklumat Umum	
Kontrak Syariah	Tawarruq
Definisi dan Ciri-ciri Penting	Tawarruq merujuk kepada jualan aset yang dimiliki dan dalam pegangan penjual pada harga tertangguh, dan aset tersebut kemudian dijual oleh pembeli kepada pihak yang bukan penjual asal secara tunai bagi tujuan mendapatkan tunai.
Bagaimana Produk ini Berfungsi?	<p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan melalui urusan dwi agensi. Di bawah urusan ini, OCBC Al-Amin akan bertindak sebagai ejen pelanggan untuk menyelesaikan transaksi Tawarruq. Secara asasnya, Pelanggan adalah penjual dan OCBC Al-Amin adalah pembeli komoditi pada harga tertangguh. Penerangan terperinci adalah seperti berikut:</p> <p>Pelanggan mendepositkan dana* dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen pelanggan untuk membeli komoditi. Komoditi ialah Minyak Sawit Mentah ("CPO") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin.</p> <p>*Dana Pelanggan: Harga Belian Pelanggan</p> <p>OCBC Al-Amin membeli komoditi sebagai ejen pelanggan daripada broker pada harga semasa. Jika tiada permintaan untuk serahan komoditi secara fizikal, pelanggan memberi kuasa dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen (Wakil) untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak, termasuk OCBC Al-Amin sendiri setelah pelanggan memiliki komoditi secara konstruktif (Qabd al-Hukmi) dalam jumlah yang setara dengan Harga Belian Bank. OCBC Al-Amin kemudian membeli komoditi tersebut daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan**.</p> <p>**Kos ditambah keuntungan: Harga Belian Bank</p> <p>Keuntungan akan diakru setiap hari dan dikreditkan ke akaun pelanggan pada akhir bulan.</p> <p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan pada setiap hari perdagangan sebuah platform dagangan yang dipilih oleh OCBC Al-Amin, asalkan hari perdagangan adalah hari perbankan di Kuala Lumpur.</p>
Aset Patuh Syariah	Minyak Sawit Mentah ("CPO") atau lain-lain komoditi bukan Ribawi yang patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin sebagai wakil kepada pelanggan.
Kelayakan	
Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).
Kewarganegaraan	Terbuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).
Dokumen yang diperlukan	Kad pengenalan atau Pasport
Simpanan Permulaan Minimum	RM200,000
Baki Minimum untuk mengekalkan akaun	RM20 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki akaun kurang daripada baki minimum akan ditolak.

Produk Kekayaan OCBC Al-Amin
Lembaran Maklumat Produk Deposit

Akaun Premier Booster-i

Kadar Keuntungan											
Kadar Keuntungan	Terdapat 2 jenis keuntungan (Keuntungan Asas dan Keuntungan Bonus Kekayaan) untuk akaun ini. a) Keuntungan Asas: Kadar keuntungan akan terakru secara harian dan dikreditkan setiap bulan.										
	<table border="1"><thead><tr><th>Baki akaun</th><th>Kadar Keuntungan (% setahun)¹</th></tr></thead><tbody><tr><td><RM200,000</td><td>0.10</td></tr><tr><td>RM200,000 – RM2,999,999.99</td><td>2.35</td></tr><tr><td>RM3,000,000 – RM9,999,999.99</td><td>2.50</td></tr><tr><td>≥RM10,000,000</td><td>2.85</td></tr></tbody></table>	Baki akaun	Kadar Keuntungan (% setahun) ¹	<RM200,000	0.10	RM200,000 – RM2,999,999.99	2.35	RM3,000,000 – RM9,999,999.99	2.50	≥RM10,000,000	2.85
Baki akaun	Kadar Keuntungan (% setahun) ¹										
<RM200,000	0.10										
RM200,000 – RM2,999,999.99	2.35										
RM3,000,000 – RM9,999,999.99	2.50										
≥RM10,000,000	2.85										
	¹ Kadar terkini boleh didapati di laman web OCBC Malaysia atau cawangan-cawangan OCBC Al-Amin yang berhampiran. Keuntungan akan dibayar oleh OCBC Al-Amin pada kadar yang ditetapkan oleh OCBC Al-Amin. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.										
	b) Keuntungan Bonus Kekayaan: Anda akan menerima keuntungan Bonus Kekayaan sejangka 4 bulan pada kadar keuntungan Bonus Kekayaan 1.20% setahun ² berdasarkan baki harian purata akaun RM50,000, RM200,000 atau RM500,000 yang pertama apabila anda membeli/melanggan sekurang-kurangnya jumlah minimum mana-mana produk kekayaan yang layak melalui OCBC Al-Amin. Anda akan menerima keuntungan Bonus Kekayaan dalam jangkamasa 14 hari urusniaga bulan yang berikutnya atau lebih awal. Sila rujuk ke Terma dan Syarat Akaun Premier Booster-i dan Lampiran untuk Bonus Kekayaan dari laman web OCBC Malaysia atau mendapati maklumat untuk produk kekayaan yang layak dan cara mendapati Bonus Kekayaan dari cawangan Bank yang terdekat.										
	² Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan Bonus Kekayaan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.										
Pengiraan Keuntungan Sekiranya Akaun Ditutup	Sekiranya anda menutup Akaun Premier Booster-i OCBC, maka Kadar Asas akan digunakan untuk mengira keuntungan harian terakru ke atas baki sehingga hari sebelum tarikh penutupan bagi bulan kalendar dan tiada keuntungan Bonus Kekayaan akan dibayar untuk Akaun tersebut.										
Terma Lain	<ul style="list-style-type: none">Anda hanya boleh membuka SATU Akaun Premier Booster-i OCBC, sama ada atas nama sendiri atau nama bersama. Sekiranya dengan sebarang sebab anda mempunyai lebih daripada satu Akaun Premier Booster-i OCBC, maka Akaun Premier Booster-i OCBC lain boleh ditukarkan kepada Akaun Simpanan Aqil-i atau mana-mana akaun lain yang dianggap bersesuaian mengikut budi bicara mutlak OCBC Al-Amin.Jika baki akaun adalah sifar secara berterusan selama 90 hari, akaun akan ditutup. OCBC Al-Amin akan memberitahu anda melalui SMS atau apa-apa cara lain yang sesuai sebelum akaun ditutup. Pengaktifan semula akaun yang telah ditutup dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh penutupan akaun adalah atas budi bicara mutlak OCBC Al-Amin.										

Produk Kekayaan OCBC Al-Amin
Lembaran Maklumat Produk Deposit

Akaun Premier Booster-i

Perkhidmatan					
Pengeluaran Antara Cawangan	Sehingga RM300,000 bagi setiap akaun setiap hari.				
Arahan Tetap	Daftarlah untuk arahan tetap bagi pembayaran bil-bil rutin anda.				
Perbankan Online OCBC	<p>Lobi Perbankan Elektronik – eLobby</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan ATM yang menyediakan pengeluaran tunai, pindahan dana, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi – 24 jam sehari, 7 hari seminggu. • Mesin Simpanan Tunai membolehkan anda mendeposit tunai atau membuat bayaran wang tunai dengan/tanpa kad Debit ke akaun anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga. • Mesin Kemasukan Cek memberikan anda cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC. <p>Perbankan Internet OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor kad Debit dan PIN di laman web OCBC Malaysia. <p>Perbankan Telefon OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau berbual dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia). <p>Nota: Anda hanya boleh menyemak baki menggunakan Perbankan Internet sekiranya anda mempunyai akaun Perbankan Internet sedia ada.</p>				
Ciri-ciri dan Manfaat					
Kemudahan Sweep	Nikmati kemudahan sweep daripada Akaun Premier Booster-i ke akaun semasa anda.				
Penyata Akaun	Akaun anda didatangkan dengan penyata elektronik secara asal yang boleh didapati di Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Penyata bercetak hanya akan dihantar kepada anda setiap bulan atas permintaan.				
	Caj RM10.00 sebulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan.				
Insurans Deposit	<p>Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layar <u>laman web PIDM</u>.</p>				
Pengendalian Akaun Dorman	<p>Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dianggap sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px;">Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td><td style="padding: 5px;">Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td></tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td><td style="padding: 5px;">Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".</td></tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad secara peribadi.</p>	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Dituntut".				
Polisi Wang yang tak Dituntut	Mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama (7) tahun atau lebih akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.				

Akaun Premier Booster-i

Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> Akaun Bersama (“Akaun”) boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan semasa permohonan. Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan akaun atau penggantungan atau penamatkan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang berdaftar dengan OCBC Al-Amin atau lain-lain maklumat, akan diberi dalam bentuk bertulis (atau mana-mana cara lain yang dibenarkan OCBC Al-Amin) oleh semua pemegang akaun bersama, melainkan diarahkan secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama. Semua pemegang Akaun Bersama bertanggungjawab secara bersama dan berasingan ke atas semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut. Jika OCBC Al-Amin Bank Berhad menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada individu yang diberi kuasa atau bukan daripada individu yang diberi kuasa, OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun Bersama. Sebaik menerima notis kematian bagi salah seorang atau lebih daripada seorang pemegang Akaun Bersama, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk membayar baki simpanan atau baki kredit dengan sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, dengan syarat sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut. OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh membenarkan para pemegang Akaun yang masih hidup untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada penunaian Terma dan Syarat sebagaimana yang dikenakan oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad.
-----------------------------------	--

Ringkasan Yuran dan Caj

Penutupan Awal	RM20
• Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan	
Akaun Dorman	<p>Akaun dengan baki sehingga RM10.00: Baki akan diserap dan akaun akan ditutup.</p> <p>Akaun dengan baki melebihi RM10.00: RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai “Wang Yang Tak Dituntut”.</p>
Kad Debit-i	<p>RM8.00 RM8.00 setahun</p> <p>RM10.00</p> <p>Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM)</p> <p>RM1.00</p> <p>Tiada Caj</p>
Perkhidmatan Pengeluaran Tunai	<p>Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard</p> <p>Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS</p> <p>Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia)</p> <p>Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia</p>

Produk Kekayaan OCBC Al-Amin
Lembaran Maklumat Produk Deposit

Akaun Premier Booster-i

Pemindahan Segera MEPS menerusi ATM MEPS	Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah); Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas)
Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC	Tiada caj
Yuran Penggantian Kad	RM12.00
Yuran Dapatan Semula Resit Jualan	RM15.00 untuk salinan asli RM8.00 untuk salinan kedua
Yuran Tukaran Luar Negara	Kadar Tukaran seperimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX
Yuran dan Caj-caj Lain	Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain

Maklumat Perhubungan

OCBC Al-Amin Bank Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi cawangan-cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut atau emel kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) (dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan) boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none">• Laman web MyCoverage <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia)</p>

Produk Kekayaan OCBC Al-Amin
Lembaran Maklumat Produk Deposit

Akaun Premier Booster-i

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	Hubungi talian hotline (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Hubungi Kami di laman web PIDM)
--	---

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'seperti yang terdapat' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin Bank Berhad tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Premier Booster-i OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang digunakan untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin Bank Berhad terlebih dahulu.